

12 JAN 1996

Keating-Malaysia

AUSTRALIA PERLU LIHAT MALAYSIA DALAM KONTEKS BARU, KATA KEATING

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 12 Jan (Bernama) -- Australia perlu melihat Malaysia dalam konteks dinamisme dan perubahan yang menjadikan Asia Tenggara sebagai rantau dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat, kata Perdana Menteri Australia Paul Keating.

Beliau berkata rakyat Australia juga tidak harus melihat Malaysia melalui hubungan zaman Darurat atau Konfrontasi ataupun melalui Rancangan Colombo, tetapi melalui kadar pertumbuhan sembilan peratus tahun ini dan purata 8.5 peratus sejak tujuh tahun lepas.

Keating yang membuat lawatan rasmi pertamanya ke Malaysia bermula Isnin ini berkata, beliau berharap rakyat Malaysia juga melihat Australia sebagai yang moden dan dengan pelbagai budaya "yang bukan lagi menjadi kota kara Eropah atau Amerika Utara, yang bukan cuba menjadi Asia atau Amerika atau Afrika atau selain daripada apa yang ia sebenarnya".

Beliau berkata, Kuala Lumpur perlu melihat Australia sebagai sebuah negara yang kukuh daripada segi ekonomi, yang canggih daripada segi teknologi dan mempunyai sumber-sumber yang dapat melengkapkan keperluan Malaysia dan negara-negara lain di Asia yang membangun dengan pesat.

"Kejayaan masa depan hubungan Australia-Malaysia bergantung kepada kebolehan kita dalam mengiktiraf perubahan yang sedang berlaku dan perlu menyokongnya, kata beliau dalam satu kenyataan kepada Bernama.

Hubungan KL-Canberra menjadi tegang pada 1993 apabila Keating menyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "recalcitrant" (keras kepala) kerana Dr Mahathir tidak menghadiri mesyuarat informal pertama Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle pada November tahun itu.

Keating berkata: "Kita boleh terus membuat perkara-perkara yang kita telah melakukan selama ini, tetapi kita perlu membuatnya mengikut kaedah baru."

Beliau berkata Australia dan Malaysia perlu mengambil kesempatan daripada perubahan ekonomi dan sosial di kedua-dua negara untuk membuat perkara-perkara secara baru bersama.

Sebagai contoh kata Keating, beliau dan Dr Mahathir bersetuju semasa pertemuan mereka di Jakarta (semasa mesyuarat tidak rasmi APEC) pada 1994 yang teknologi termasuk teknologi alam sekitar dan penyelidikan merupakan bidang baru kerjasama yang penting.

Keating berkata beliau mempunyai harapan tinggi akan lawatan beliau ke Malaysia minggu depan, sambil menekankan yang ia bukan hanya hubungan antara kerajaan dan kerajaan, ia merupakan hubungan yang berasaskan kepada peringkat hubungan dan semangat persahabatan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri Australia itu berkata, hubungan antara kedua-dua negara telah meningkat dengan ketara seperti yang dapat dilihat daripada bilangan penuntut Malaysia yang melanjutkan pengajian di Australia.

Beliau berkata satu lagi bidang yang berpotensi ialah kerjasama pertahanan seperti Program Pertahanan Bersama Malaysia-Australia dan Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Keating berkata bidang perdagangan dan pelaburan merupakan satu lagi sumber utama hubungan antara rakyat kedua-dua negara dan masyarakat perniagaan Australia juga penyokong kuat hubungan dua hala itu.

"Tahun ini, Malaysia akan mengatasi Britain untuk menjadi 10 pasaran eksport yang terbesar bagi Australia," kata beliau.

"Oleh itu hubungan itu memang baik dan kita mempunyai kisah yang baik untuk diceritakan," dan untuk mengekalkan hubungan itu di peringkat itu

kedua-dua pihak perlu mengusahakannya..., kata beliau.

Beliau berkata hubungan Australia-Malaysia telah lama wujud dan membawa banyak presepsi salah yang boleh menghalang pandangan kedua-dua negara itu.

"Hubungan yang kukuh dan mendalam wujud antara Australia dan Malaysia dan saya berharap lawatan saya akan membantu memastikan ia terus berkembang dan membawa manfaat kepada rakyat kedua-dua negara," kata beliau. --

BERNAMA